

## **MGB RAIH ANUGERAH PERTAMANYA DI 'THE EDGE MALAYSIA CENTURION CLUB AWARDS' 2024**

---

**SELANGOR, 23 Julai 2024 – MGB Berhad** (“MGB” atau “Kumpulan”), penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah serta anak syarikat LBS Bina Group Berhad, sukacitanya mengumumkan anugerah yang diraih bagi “Keuntungan Tertinggi Selepas Cukai dalam Tiga Tahun” di bawah sektor pembinaan di malam anugerah ‘The Edge Malaysia Centurion Club Awards’ 2024. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kumpulan, Dato’ Beh Hang Kong telah menerima anugerah tersebut bagi pihak MGB di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur.

Anugerah ini merupakan bukti kepada prestasi kewangan cemerlang MGB yang dinilai sepanjang tempoh tiga tahun dari 2021 hingga 2023 serta pendapatan yang memberangsangkan, iaitu sebanyak RM 971.8 juta. MGB turut mencapai keuntungan selepas cukai (“PAT”) tertinggi sebanyak RM 50.5 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (“FYE2023”), iaitu peningkatan cemerlang 89.8% dari RM 26.6 juta pada FYE2021 dan kadar pertumbuhan tahunan berganda selama 2 tahun sebanyak 37.8%. Pendapatan per saham pula meningkat kepada 8.1 sen daripada 5.2 sen pada FYE2021.

MGB bukan sahaja memperolehi pendapatan dan PAT tertinggi, tetapi juga berjaya menyiapkan lebih daripada 25,000 projek harta tanah di seluruh negara, dipacu oleh Teknologi Berpandukan Nilai (VaDTech) dan teknologi konkrit pratuang Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang inovatif. Pengiktirafan ini membuktikan komitmen MGB yang tidak berbelah bagi untuk menyediakan nilai dan keunggulan kepada pihak berkepentingannya, di tengah-tengah landskap pasaran yang kompetitif dan mengukuhkan lagi keupayaannya untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang konsisten dan mampan.

Prestasi cemerlang MGB pada FYE2023 mengukuhkan komitmen Kumpulan terhadap nilai pemegang saham. Ini diterjemahkan terus melalui ganjaran untuk para pemegang saham dengan dividen, sekaligus mengekalkan rekod pembayaran konsisten, selaras dengan dasar

dividen yang ditetapkan untuk pengagihan, iaitu sekurang-kurangnya 20% daripada keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti berdasarkan keuntungan biasa.

Sehingga 30 Jun 2024, MGB mempunyai buku tempahan pembinaan yang positif sebanyak RM 1.3 bilion, dan jualan pembangunan harta tanah yang belum dibilang sebanyak RM 710.6 juta yang bakal menjamin pendapatan untuk tempoh 3 tahun akan datang.

Sebanyak tiga puluh enam (36) anugerah telah disampaikan kepada dua puluh tujuh (27) syarikat merentasi dua belas (12) sektor pada majlis The Edge Malaysia Centurion Club Awards 2024, diadili oleh The Edge Malaysia dan Asia Analytica, manakala keputusan rasmi diaudit sepenuhnya oleh Deloitte.

Mengulas mengenai anugerah tersebut, Pengurus Eksekutif Kumpulan MGB, Tan Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San berkata, "Kami berbesar hati menerima anugerah pertama kami di The Edge Malaysia Centurion Club Awards. Pengiktirafan ini menyuntik semangat kami untuk terus mencapai kecemerlangan dan menghasilkan keputusan yang membanggakan. Di sebalik cabaran, anugerah ini merupakan pengesahan terhadap keputusan strategik dan fokus kami yang tidak berbelah bagi terhadap kecekapan operasi. Dengan fokus utama kepada penggunaan amalan pembinaan yang inovatif dan mampan, MGB terus menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, yang seterusnya memacu pertumbuhan perniagaan jangka panjang dan memaksimumkan pulangan pemegang saham."

-Tamat-

---

### **Mengenai MGB Berhad**

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad ("MGB") telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah dengan perhatian utama memfokuskan kepada penyelesaian kepada penyediaan pembinaan yang lebih efisien serta kos efektif yang merangkumi kepelbagaiannya industri, terutamanya pasaran pembinaan secara meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi gaya hidup rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka bentuk, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod cemerlang selama 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari sebanyak 26,000-unit harta tanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah berjaya menyiapkan 12,000 buah rumah dengan menggunakan teknologi IBS.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mgbgroup.com.my](http://www.mgbgroup.com.my).

---

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi:

**1. Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS**

Emel: [media@lbs.com.my](mailto:media@lbs.com.my)

**2. Lee Tec Minn**

Emel: [leetm@mgbgroup.com.my](mailto:leetm@mgbgroup.com.my)

**3. Hamsaveni Visuvaseven, Imej Jiwa Sdn Bhd**

Emel: [hamsa@imejjiwa.com](mailto:hamsa@imejjiwa.com)